KAJI SELIDIK NILAI SEDUNIA 2005-2006

V1. Nombor pusingan kaji selidik: 5. Pusingan kelima

V1a. Pisahkan OECD/Bukan OECD: 2. Bukan OECD

V3. Nombor temu ramah (tulis menggunakan nombor 4 angka untuk mengenal pasti setiap responden): ________

(Pengenalan oleh penemu ramah):
Selamat sejahtera. Saya dari Universiti Multimedia /Universiti Notthingham Malaysia. Kami sedang menjalankan kajian di seluruh dunia tentang apa yang dihargai oleh manusia di dalam hidup mereka. Kajian ini akan menemu ramah sampel yang akan mewakili sebilangan besar penduduk dunia. Nama anda telah dipilih secara rawak sebagai sampel untuk mewakili penduduk di Malaysia. Saya ingin mendapatkan pandangan anda tentang beberapa perkara yang berbeza. Segala jawapan anda akan dirahsiakan tetapi ia akan menyumbang kepada pemahaman yang mendalam tentang apa yang dipercayai dan dikehendaki oleh manusia di seluruh dunia daripada hidup mereka.

(Kad Pamer A)
Untuk setiap perkara berikut, nyatakan kepentingannya di dalam hidup anda. Adakah anda rasakan ia (bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap perkara):

| | | Sangat penting | Agak penting | Kurang penting | Tidak penting |
|---|---|---|---|---|---|
| V4. | Keluarga | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V5. | Rakan | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V6. | Masa lapang | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V7. | Politik | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V8. | Kerja | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V9. | Agama | 1 | 2 | 3 | 4 |

(NOTA: Kodkan tapi jangan bacakan—di sini dan sepanjang temu ramah): -1 Tidak tahu
-2 Tidak ada jawapan
-3 Tidak berkaitan

V10. Dengan mengambil kira semua perkara, adakah anda:

1 Sangat gembira
2 Agak gembira
3 Kurang gembira
4 Tidak gembira

V11. Secara keseluruhannya, bagaimanakah anda menggambarkan keadaan kesihatan anda pada masa kini? Adakah ia:

1 Sangat baik
2 Baik
3 Sederhana
4 Tidak baik

(Kad Pamer B)
Di sini adalah senarai kualiti yang boleh digalakkan kepada kanak-kanak untuk mempelajarinya di rumah. Pada pandangan anda, yang manakah paling penting? Sila pilih sehingga lima sahaja (kodkan maksimum lima pilihan).

| | | Dinyatakan | Tidak dinyatakan |
|---|---|---|---|
| V12. | Sikap berdikari | 1 | 2 |
| V13. | Kerja keras | 1 | 2 |
| V14. | Perasaan tanggungjawab | 1 | 2 |
| V15. | Imaginasi | 1 | 2 |
| V16. | Tolak ansur dan menghormati orang lain | 1 | 2 |
| V17. | Berjimat-cermat, menyimpan wang dan lain-lain | 1 | 2 |
| V18. | Keazaman, ketabahan | 1 | 2 |
| V19. | Pegangan agama | 1 | 2 |
| V20. | Tidak mementingkan diri sendiri | 1 | 2 |
| V21. | Kepatuhan | 1 | 2 |

(Kad Pamer C)
V22. Dengan mengambil kira semua perkara, setakat manakah anda berpuas hati dengan hidup anda secara keseluruhannya pada masa sekarang? Dengan menggunakan kad ini di mana 1 bermaksud "Sangat tidak berpuas hati" dan 10 bermaksud "Sangat berpuas hati", di manakah anda akan meletakkan kepuasan anda terhadap hidup anda secara kesuluruhannya?

Sangat tidak berpuas hati                                        Sangat berpuas hati
1   2   3   4   5   6   7   8   9   10

V23. Secara umumnya, adakah anda merasakan kebanyakan orang boleh dipercayai atau anda perlu sangat berhati-hati apabila berurusan dengan orang lain?

1 Kebanyakan orang boleh dipercayai.
2 Perlu sangat berhati-hati.

Sekarang saya akan membacakan satu senarai pertubuhan sukarela. Untuk setiap pertubuhan, sila nyatakan sama ada anda adalah ahli aktif, ahli tidak aktif atau bukan ahli pertubuhan tersebut?

| | Ahli aktif | Ahli tidak aktif | Bukan ahli |
|---|---|---|---|
| V24.Gereja atau pertubuhan keagamaan | 2 | 1 | 0 |
| V25.Pertubuhan sukan atau rekreasi | 2 | 1 | 0 |
| V26.Pertubuhan kesenian, muzik atau pendidikan | 2 | 1 | 0 |
| V27.Kesatuan sekerja | 2 | 1 | 0 |
| V28.Parti politik | 2 | 1 | 0 |
| V29.Pertubuhan alam sekitar | 2 | 1 | 0 |
| V30.Persatuan profesional | 2 | 1 | 0 |
| V31.Pertubuhan kemanusiaan atau | 2 | 1 | 0 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| kebajikan | | | |
| V32.Pertubuhan pengguna | 2 | 1 | 0 |
| V33. Lain-lain (sila tulis):_______________ | 2 | 1 | 0 |

(Kad Pamer D)
Di sini disenaraikan pelbagai golongan manusia. Sila nyatakan golongan yang anda tidak mahu menjadi jiran anda?

| | | Dinyatakan | Tidak dinyatakan |
|---|---|---|---|
| V34. | Penagih dadah | 1 | 2 |
| V35. | Mereka yang berlainan kaum | 1 | 2 |
| V36. | Mereka yang menghidapi AIDS | 1 | 2 |
| V37. | Pendatang/ pekerja asing | 1 | 2 |
| V38. | Homoseksual | 1 | 2 |
| V39. | Merka yang berlainan agama | 1 | 2 |
| V40. | Peminum arak tegar | 1 | 2 |
| V41. | Pasangan tidak berkahwin yang tinggal bersama | 1 | 2 |
| V42. | Mereka yang berlainan bahasa pertuturan | 1 | 2 |
| V43. | (pilihan: golongan minoriti berkaitan negara tertentu. tuliskan):_________ | 1 | 2 |

Adakah anda setuju, tidak setuju ataupun neutral dengan kenyataan berikut?

| | | Setuju | Neutral | Tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| V44. | Apabila terdapat kekurangan pekerjaan, lelaki lebih berhak untuk mendapat perkerjaan berbanding wanita. | 1 | 2 | 3 |
| V45. | Apabila terdapat kekurangan pekerjaan, majikan patut memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia berbanding pendatang. | 1 | 2 | 3 |

(Kad Pamer E)
V46. Sila gunakan skala di mana 1 bemaksud “tidak ada pilihan langsung” dan 10 bermaksud “Amat banyak pilihan” untuk menggambarkan tahap kebebasan untuk memilih dan kemampuan anda untuk menentukan hala tuju hidup hidup anda.

Tidak ada pilihan langsung — Amat banyak pilihan

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

(Kad Pamer F)
V47. Adakah anda fikir kebanyakan orang akan cuba untuk mengambil kesempatan terhadap diri anda jika mereka berpeluang, atau adakah mereka akan cuba untuk berlaku adil? Sila nyatakan, di mana 1 bermaksud “Orang lain akan cuba untuk mengambil kesempatan terhadap anda” dan 10 bermaksud “Orang akan cuba berlaku adil”.

Orang akan cuba mengambil kesempatan terhadap anda — Orang akan cuba berlaku adil

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V48. Berikut adalah beberapa perkara yang ramai orang pertimbangkan berkenaan pekerjaan mereka. Tanpa mengambil kira sama ada anda benar-benar sedang mencari pekerjaan, secara peribadi yang manakah menjadi pilihan utama anda semasa mencari pekerjaan?

| | V48<br>Pilihan pertama | V49<br>Pilihan kedua |
|---|---|---|
| Pendapatan yang lumayan supaya anda tidak risau tentang wang | 1 | 1 |
| Pekerjaan yang selamat tanpa risiko untuk gulung tikar atau pengangguran | 2 | 2 |
| Bekerja dengan orang yang anda sukai | 3 | 3 |
| Melakukan kerja penting yang memberikan rasa kepuasan | 4 | 4 |

Sila nyatakan setakat mana anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan berikut!

| | | Sangat setuju | Setuju | Neutral | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|---|---|
| V50. | Untuk mengembangkan bakat anda, anda perlu mempunyai pekerjaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V51. | Adalah memalukan untuk menerima wang tanpa bekerja untuk memperolehinya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V52. | Mereka yang tidak bekerja akan menjadi malas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V53. | Kerja adalah satu tanggungjawab terhadap masyarakat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V54. | Kerja harus diutamakan, walaupun terpaksa mengurangkan masa senggang . | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

(Kad Pamer G)
V55. Adakah anda
1. Sudah berkahwin
2 Tinggal bersama seperti orang sudah berkahwin
3 Sudah bercerai
4 Sudah berpisah
5 Telah menjadi balu
6 Masih bujang

V56. Adakah anda mempunyai anak? (Kodkan 0 jika tidak, dan nombor yang berkenaan jika ya):
0 Tidak mempunyai anak
1 Seorang anak
2 Dua orang anak
3 Tiga orang anak
4 Empat orang anak
5 Lima orang anak
6 Enam orang anak
7 Tujuh orang anak
8 Lapan orang anak atau lebih

V57. Jika seseorang mengatakan bawah seorang anak memerlukan kedua-dua ibu dan bapa untuk membesar dengan bahagia, adakah anda cenderung untuk bersetuju atau tidak bersetuju?

1 Cenderung untuk bersetuju
2 Cenderung untuk tidak bersetuju

V58. Adakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan berikut (Bacakan): “Perkahwinan adalah institusi yang ketinggalan zaman.”

1 Setuju
2 Tidak setuju

V59. Jika seorang wanita ingin memiliki anak sebagai seorang ibu tunggal tetapi tidak mahu menjalin hubungan yang kukuh dengan seorang lelaki, adakah anda bersetuju atau tidak bersetuju?

1 Setuju
2 Tidak setuju
3 Bergantung kepada keadan (jangan bacakan, kodkan hanya jika diberikan secara sukarela)

Untuk setiap kenyataan berikut, beritahu saya setakat mana anda bersetuju atau tidak bersetuju dengannya.

| | | Sangat setuju | Setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| V60. | Menjadi seornag suri rumah memberikan kepuasan yang sama seperti bekerja untuk gaji. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V61. | Secara keseluruhannya, lelaki adalah pemimpin politk yang lebih baik berbanding wanita. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V62. | Pendidikan peringkat universiti adalah lebih penting untuk lelaki berbanding wanita. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V63. | Secara keseluruhannya, lelaki adalah eksekutif perniagaan yang lebih baik berbanding wanita. | 1 | 2 | 3 | 4 |

Manusia mengejar matlamat hidup yang berbeza. Untuk setiap matlamat yang berikut, sila beritahu saya sama ada anda sangat bersetuju, bersetuju, tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju dengannya?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| V64. Salah satu matlamat hidup saya yang utama adalah untuk membanggakan ibubapa saya. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V65. Saya ingin menjadi diri sendiri dan tidak terikut-ikut orang lain. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V66. Saya berusaha sedaya-upaya untuk memenuhi jangkaan rakan-rakan . | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V67. Saya memutuskan sendiri matlamat hidup saya. | 1 | 2 | 3 | 4 |

(Kad Pamer H)
V68. Setakat manakah anda berpuas hati dengan kedudukan kewangan rumahtangga anda?

Sangat tidak berpuas hati Sangat berpuas hati
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

(Kad Pamer I)

V69. Orang kadangkala bercakap tentang apa yang harus disasarkan oleh negara ini sepanjang sepuluh tahun yang akan datang. Di kad ini disenaraikan beberapa sasaran yang akan diberi keutamaan paling tinggi oleh berlainan orang. Sila nyatakan yang mana satu merupakan yang paling utama kepada anda? (kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan pertama"):

V70. Dan yang mana satu akan menjadi keutamaan seterusnya? (Kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan kedua")

| | V69<br>Pilihan pertama | V70<br>Pilihan kedua |
|---|---|---|
| Perkembangan ekonomi yang memberangsangkan | 1 | 1 |
| Memastikan negara ini mempunyai pasukan pertahanan yang kuat | 2 | 2 |
| Melihat orang ramai diberi lebih peluang untuk menyuarakan pandangan tentang bagaimana melakukan perkara-perkara di tempat kerja dan di dalam masyarakat. | 3 | 3 |
| Cuba untuk menjadikan kawasan bandar dan pendalaman lebih indah | 4 | 4 |

(Kad Pamer J)

V71. Jika anda perlu memilih, yang mana satu antara perkara berikut adalah paling penting kepada anda (Kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan pertama"):

V72. Dan yang mana satu merupakan kedua terpenting kepada anda? (Kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan kedua"):

| | V71<br>Pilihan pertama | V72<br>Pilihan kedua |
|---|---|---|
| Mengekalkan kestabilan di dalam negara | 1 | 1 |
| Memberikan lebih banyak ruang untuk rakyat menyuarakan pandangan terhadap keputusan-keputusan penting kerajaan | 2 | 2 |
| Memerangi peningkatan harga | 3 | 3 |
| Melindungi kebebasan bersuara | 4 | 4 |

(Kad Pamer K)

V73. Ini adalah satu lagi senarai. Pada pendapat anda, yang mana satu daripada berikut adalah paling penting? (Kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan pertama"):

V74. Dan yang mana satu merupakan kedua terpenting? (Kodkan satu jawapan sahaja di bawah "pilihan kedua"):

| | V73<br>Pilihan pertama | V74<br>Pilihan kedua |
|---|---|---|
| Ekonomi yang kukuh | 1 | 1 |
| Perkembangan ke arah pembentukan masyarakat yang kurang mementingkan diri sendiri dan lebih berperikemanusiaan | 2 | 2 |
| Perkembangan ke arah pembentukan masyarakat yang lebih mementingkan idea daripada wang ringgit. | 3 | 3 |
| Perjuangan menentang jenayah | 4 | 4 |

V75. Sudah pasti kita semua tidak ingin berlakunya satu lagi peperangan, tetapi jika peperangan tetap berlaku, adakah anda rela untuk berjuang demi negara anda?

1 Ya
2 Tidak

Saya akan membacakan satu senarai pelbagai perubahan dalam gaya hidup kita yang mungkin berlaku pada masa terdekat. Untuk setiap satu, sila beritahu saya jika ia benar-benar terjadi, adakah anda fikir ia adalah sesuatu yang baik, buruk, ataupun anda tidak kisah? (Kodkan satu jawapan untuk setiap satu):

| | | Baik | Tidak kisah | Buruk |
|---|---|---|---|---|
| V76. | Kurang keutamaan terhadap kerja di dalam hidup kita | 1 | 2 | 3 |
| V77. | Lebih penekanan diberikan untuk pembangunan teknologi | 1 | 2 | 3 |
| V78. | Lebih rasa hormat terhadap pihak berkuasa | 1 | 2 | 3 |
| V79. | Lebih penekanan diberikan terhadap kehidupan keluarga | 1 | 2 | 3 |

(Kad Pamer L)
Sekarang saya akan memberikan gambaran beberapa orang secara ringkas. Dengan menggunakan kad ini, sila nyatakan untuk setiap gambaran sama ada orang itu sangat sama dengan anda, sama dengan anda, agak sama dengan anda, sedikit sama dengan anda, tidak sama dengan anda, atau langsung tidak sama dengan anda? (Kodkan satu jawapan untuk setiap gambaran):

| | Sangat sama | Sama | Agak sama | Sedikit sama | Tidak sama | Langsung tidak sama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| V80. Adalah penting bagi orang ini untuk memikirkan idea-idea baru dan kreatif; untuk melakukan sesuatu dengan cara tersendiri. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V81. Adalah penting bagi orang ini untuk menjadi kaya; untuk memiliki wang yang banyak dan barangan yang mahal. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V82. Tinggal di persekitaran yang selamat adalah penting bagi orang ini; untuk mengelakkan apa-apa yang boleh membahayakan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V83. Adalah penting bagi orang ini untuk berseronok; untuk "memanjakan" diri sendiri. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V84. Adalah penting bagi orang ini untuk menolong orang di sekelilingnya; untuk menjaga kebajikan mereka. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V85. Menjadi sangat berjaya adalah penting bagi orang ini; untuk mendapat pengiktirafan orang lain di atas perncapaiannya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V86. Melakukan sesuatu yang merbahaya dan mengambil risiko adalah penting bagi orang ini; untuk mempunyai hidup yang menyeronokkan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V87. Adalah penting bagi orang ini untuk menjaga tingkah laku; untuk mengelak melakukan sesuatu yang dianggap sebagai kesalahan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| V88. Menjaga alam sekitar adalah penting bagi orang ini; untuk menjaga alam semulajadi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| V89. Tradisi adalah penting untuk orang ini; untuk mengikut adat resam yang telah diperturunkan oleh agama atau keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |

V90. Dalam jangka masa panjang, adakah anda fikir kemajuan saintifik yang kita hasilkan sekarang akan membantu atau memudaratkan umat manusia?

1 Akan membantu
2 Akan memudaratkan
3 Sedikit daripada kedua-duanya (kodkan jika diberikan secara sukarela sahaja!)

(Kad Pamer O)
Sekarang, saya ingin membacakan beberapa kenyataan dan menanyakan setakat mana anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap kenyataan tersebut. Untuk soalan-soalan ini, nombor 1 bermaksud anda "sangat tidak bersetuju" dan nombor 10 bermaksud "sangat bersetuju."(Kodkan satu nombor untuk setiap kenyataan):

| | | Sangat tidak setuju | | | | | | | | | Sangat setuju |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| V91. | Sains dan teknologi menjadikan kehidupan kita lebih sihat, mudah dan lebih selesa. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V92. | Oleh kerana sains dan teknologi, lebih banyak peluang akan diperolehi oleh generasi akan datang. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V93. | Sains dan teknologi menjadikan cara hidup kita berubah terlalu pantas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V94. | Kita terlalu banyak bergantung kepada sains dan tidak cukup kepada keimanan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V95. Sejauh mana anda berminat dengan politik? Adakah anda

1 Sangat minat
2 Agak minat
3 Kurang minat
4 Langsung tidak minat

(Kad Pamer M)
Sekarang saya mahu anda melihat kad ini. Saya akan bacakan beberapa jenis tindakan politik yang boleh dilakukan oleh seseorang, dan saya mahu anda beritahu saya, untuk setiap satu, sama ada anda pernah melakukannya, sama ada mungkin akan melakukannya atau anda takkan melakukkannya dalam apa jua keadaan.

| | Pernah lakukan | Mungkin lakukan | Takkan lakukan |
|---|---|---|---|
| V96. Menandatangani petisyen | 1 | 2 | 3 |
| V97. Menyertai boikot | 1 | 2 | 3 |
| V98. Menghadiri demonstrasi secara aman | 1 | 2 | 3 |
| V99. Lain-lain (tuliskan):____________ | 1 | 2 | 3 |

Adakah anda telah melakukan atau tidak melakukan sebarang aktiviti-aktiviti berikut sepanjang lima tahun lepas? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap tindakan):

| | Telah lakukan | Tidak lakukan |
|---|---|---|
| V100. Menandatangani petisyen | 1 | 2 |
| V101. Menyertai boikot | 1 | 2 |
| V102. Menghadiri demonstrasi secara aman | 1 | 2 |
| V103. Lain-lain (tuliskan):___________ | 1 | 2 |

V104. Berikut adalah dua kenyataan yang kadang-kala dinyatakan oleh seseorang apabila membincangkan soal alam sekitar dan perkembangan ekonomi. Yang mana satu lebih hampir dengan pandangan anda sendiri? (Bacakan dan kodkan satu jawapan):

1 Melindungi alam sekitar patut dijadikan keutamaan, walaupun ia mungkin menyebabkan perkembangan ekonomi yang lebih perlahan dan kehilangan sebilangan pekerjaan.
2 Perkembangan ekonomi dan mencipta pekerjaan harus menjadi keutamaan, walaupun terpaksa mengorbankan alam sekitar.
3 Jawapan lain (kodkan jika diberikan secara sukarela sahaja!).

(Kad Pamer N)
Saya akan membacakan beberapa kenyataan tentang alam sekitar. Untuk setiap satu, beritahu saya sama ada anda sangat bersetuju, bersetuju, tidak bersetuju atau sanagat tidak bersetuju? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap kenyataan):

| | | Sangat setuju | Setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| V105. | Saya akan memberikan sebahagian daripada pendapatan saya sekiranya saya pasti wang tersebut akan digunakan untuk mencegah pencemaran alam sekitar. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V106. | Saya akan bersetuju dengan kenaikan cukai sekiranya lebihan wang tersebut digunakan untuk mencegah pencemaran alam sekitar. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V107. | Kerajan patut mengurangkan pencemaran alam sekitar, tetapi ia tidak patut menggunakan wang ringgit saya. | 1 | 2 | 3 | 4 |

Saya akan membacakan satu senarai masalah alam sekitar yang dihadapi kebanyakan masyarakat. Sila beritahu saya setakat mana seriusnya masalah tersebut berlaku dalam masyarakat anda. Adakah ia sangat serius, agak serius, kurang serius, atau tidak serius langsung? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap masalah):

| | Sangat serius | Agak serius | Kurang serius | Tidak serius langsung |
|---|---|---|---|---|
| V108. Kualiti air yang teruk. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V109. Kualiti udara yang teruk. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V110. Sistem kumbahan dan penjagaan kebersihan yang teruk. | 1 | 2 | 3 | 4 |

Sekarang mari pertimbangkan masalah alam sekitar di seluruh dunia secara menyeluruh. Sila beritahu saya pandangan anda tentang sejauh mana seriusnya setiap masalah berikut kepada dunia secara keseluruhan. Adakah ia sangat serius, agak serius, kurang serius atau tidak serius langsung? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap masalah):

| | Sangat serius | Agak serius | Kurang serius | Tidak serius langsung |
|---|---|---|---|---|
| V111. Peningkatan suhu sedunia dan kesan rumah hijau. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V112. Kehilangan spesies tumbuhan atau haiwan atau kepelbagaian biologi. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V113. Pencemaran sungai, tasik dan lautan. | 1 | 2 | 3 | 4 |

V114. Dipotong

V115. Bayangkan dua setiausaha, berumur sebaya, melakukan kerja yang boleh dikatakan sama. Salah seorang mendapat tahu bahawa yang seorang lagi memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripadanya. Setiausaha yang berpendapatan tinggi tersebut, bagaimanapun adalah lebih tangkas, lebih efisien dan lebih boleh diharapkan dengan kerjanya. Pada pendapat anda, adakah adil atau tidak adil untuk salah seorang setiausaha dibayar gaji yang lebih daripada yang seorang lagi?

1 Adil
2 Tidak adil

(Kad Pamer Q)
V116. Sekarang saya ingin anda memberitahu saya pandangan anda tentang beberapa isu. Bagaimana anda akan meletakkan pandangan anda pada skala ini? 1 bermaksud anda bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan di sebelah kiri; 10 bermaksud anda bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan di sebelah kanan; dan jika pandangan anda berada di antara kedua-duanya, anda boleh memilih sebarang nombor di antara kedua-duanya. (Kodkan satu nombor untuk setiap isu):

Pendapatan harus lebih sama rata — Kita perlukan perbezaan pendapatan yang lebih besar sebagai insentif untuk usaha keras seseorang

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V117. Pemilikan swasta dalam perniagaan dan industri patut ditingkatkan — Pemilikan kerajaan dalam perniagaan dan industri patut ditingkatkan

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V118. Kerajaan patut lebih bertanggungjawab untuk memastikan semua orang mendapat apa yang diperlukan — Semua orang patut lebih bertanggungjawab menyediakan keperluan hidup mereka sendiri

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V119. Persaingan adalah bagus. Ia merangsang sesorang untuk bekerja keras dan membangunkan idea-idea baru — Persaingan adalah memudaratkan. Ia menyebabkan seseorang menjadi teruk

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V120. Untuk jangka masa panjang, kerja keras selalunya menghasikan kehidupan yang lebih baik — Kerja keras tak semestinya membuahkan kejayaan- ia banyak bergantung kepada nasib dan rangkaian kenalan

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V121. Seseorang hanya boleh menjadi kaya di atas kesusahan orang lain — Kekayaan boleh berkembang jadi ia cukup untuk semua orang

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

(Kad Pamer R)

V122. Sesetengah orang percaya bahawa setiap individu boleh menentukan sendiri takdir mereka, sementara itu sesetengah orang berfikiran bahawa adalah mustahil untuk melepaskan diri daripada ketentuan takdir. Sila beritahu saya yang manakah paling hampir dengan pandangan anda di atas skala ini dengan 1 bermaksud "segalanya dalam kehidupan adalah ditentukan oleh takdir," dan 10 bermaksud "Manusia mencorakkan sendiri takdir mereka."

Segalanya adalah ditentukan oleh takdir — Manusia mencorakkan sendiri takdir mereka

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

(Kad Pamer S)

V123. Mengambil kira semua perkara, sila beritahu saya yang manakah paling hampir dengan pandangan anda di atas skala ini: 1 bermkasud "dunia menjadi lebih teruk," dan 10 bermaksud "Dunia menjadi lebih baik."

Lebih teruk — Lebih baik

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V124. Bagaimana dengan rakyat negara lain yang datang ke sini untuk bekerja. Yang mana satu antara berikut anda fikir patut dilakukan oleh kerajaan?

1 Membenarkan sesiapa yang ingin untuk datang ke sini?
2 Membenarkan mereka datang selagi mana ada pekerjaan untuk mereka?
3 Menghadkan bilangan orang asing yang boleh datang ke sini?
4 Melarang rakyat negara lain daripada datang ke sini?

Saya ingin menanyakan anda sejauh mana anda mempercayai orang dari pelbagai golongan. Bolehkah anda beritahu saya untuk setiap golongan sama ada anda percayakan mereka dari golongan ini sepenuhnya, agak percaya, kurang percaya atau tidak percaya langsung? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap golongan):

| | Percaya sepenuhnya | Agak percaya | Kurang percaya | Tidak percaya langsung |
|---|---|---|---|---|
| V125. Keluarga anda | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V126. Kejiranan anda | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V127. Mereka yang anda kenal secara peribadi | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V128. Mereka yang anda baru temui untuk kali pertama | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V129. Mereka yang berlainan agama | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V130. Mereka yang berlainan kerakyatan | 1 | 2 | 3 | 4 |

Saya akan menamakan beberapa buah pertubuhan. Untuk setiap satu, sila beritahu saya tahap keyakinan anda terhadap mereka: adakah anda amat yakin, agak yakin, kurang yakin atau tidak yakin langsung? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap pertubuhan):

| | | Amat yakin | Agak yakin | Kurang yakin | Tidak yakin langsung |
|---|---|---|---|---|---|
| V131. | Ketua-ketua agama | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V132. | Pasukan tentera | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V133. | Pihak akhbar | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V134. | Televisyen | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V135. | Kesatuan sekerja | 1 | 2 | 3 | 4 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| V136. | Polis | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V137. | Mahkamah | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V138. | Kerajaan (di pusat negara anda) | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V139. | Pati politik | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V140. | Parlimen | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V141. | Perkhidmatan awam | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V142. | Syarikat-syarikat besar | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V143. | Pertubuhan alam sekitar | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V144. | Pertubuhan wanita | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V145. | Pertubuhan kebajikan atau kemanusiaan | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V146. | APEC dan ASEAN | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V147. | Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu | 1 | 2 | 3 | 4 |

Saya akan menggambarkan pelbagai jenis sistem politik dan menanyakan pandangan anda tentang setiap satu sebagai satu cara untuk memerintah negara ini. Untuk setiap satu, nyatakan sama ada ia sangat bagus, agak bagus, agak teruk atau cara yang sangat teruk untuk memerintah negara ini? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap satu):

| | | Sangat bagus | Agak bagus | Agak teruk | Sangat teruk |
|---|---|---|---|---|---|
| V148. | Mempunyai seorang pemimpin yang hebat yang tidak perlu risau tentang parlimen dan pilihan raya | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V149. | Mempunyai pakar-pakar, bukan kerajaan, membuat keputusan berdasarkan apa yang mereka fikirkan terbaik untuk negara | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V150. | Mempunyai pemerintahan tentera | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V151. | Mempunyai sistem politk demokrasi | 1 | 2 | 3 | 4 |

(Kad Pamer T)

Banyak perkara yang mungkin diinginkan, tetapi bukan semuanya adalah ciri-ciri yang penting kepada demokrasi.Sila beritahu saya untuk setiap perkara berikut sejauh mana kepentingannya sebagai ciri-ciri demokrasi. Gunakan skala ini di mana 1 bermaksud “bukan ciri demokrasi yang penting “ dan 10 bermaksud ia adalah “ciri demokrasi yang penting” (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap satu):

Bukan ciri demokrasi yang penting — Ciri demokrasi yang penting

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| V152. | Kerajaan mengenakan cukai kepada orang kaya dan memberi subsidi kepada orang miskin. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V153. | Pihak berkuasa agama mentafsir undang-undang. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V154. | Rakyat memilih pemimpin dalam pilihan raya yang bebas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V155. | Rakyat menerima untuk bantuan untuk pengangguran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V156. | Pihak tentera mengambil-alih apabila kerajaan tidak mampu | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | memerintah dengan cekap. | | | | | | | | | | |
| V157. | Hak-hak sivil melindungi kebebasan rakyat daripada penindasan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V158. | Ekonomi yang bertambah maju. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V159. | Penjenayah dihukum dengan berat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V160. | Rakyat boleh mengubah undang-undang di dalam referendum. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V161. | Wanita mempunyai hak yang sama dengan lelaki. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

(Kad Pamer U)

V162. Setakat manakah pentingnya kepada anda untuk tinggal di sebuah negara yang diperintah secara demokrasi? Pada skala ini di mana 1 bermaksud ia “langsung tidak penting” dan 10 bermaksud “amat penting” apakah kedudukan yang akan anda pilih?

| Langsung tidak penting | | | | | | | | | Amat penting |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

(Kad Pamer V)

V163. Dan sejauh manakah negara ini diperintah secara demokrasi pada hari ini? Sekali lagi gunakan skala 1 hiingga 10, di mana 1 bermaksud “langsung tidak demokratik” dan 10 bermaksud “amat demokratik,” apakah kedudukan yang akan anda pilih?

| Langsung tidak demokratik | | | | | | | | | Amat demokratik |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V164. Setakat manakah hak kemanusian individu dihormati di negara ini pada masa sekarang? Adakah anda rasakan

1 Rasa hormat terhadap hak kemanusiaan individu yang sangat tinggi
2 Rasa hormat yang agak tinggi
3 Rasa hormat yang kurang
4 Tiada rasa hormat langsung

V165. Adakah anda pernah mendengar tentang Millennium Development Goals?

1 Ya
2 Tidak

V166. Pada tahun 2000, para pemimpin dunia telah bersetuju dengan beberapa program untuk menyelesaikan masalah global yang paling serius. Tunjukkan yang mana satu antara masalah-masalah berikut yang anda anggap sebagai yang paling serius untuk dunia secara keseluruhannya.

V167. Dan yang mana merupakan masalah kedua paling serius untuk dunia secara keseluruhannya?

V168. Yang mana satu antara masalah tersebut yang anda anggap sebagai paling serius di dalam negara anda?

V169. Dan yang mana merupakan kedua paling serius di negara anda?

| | V166 Paling serius untuk dunia | V167 Kedua paling serius untuk dunia | V168 Paling serius di negara sendiri | V169 Kedua paling serius di negara sendiri |
|---|---|---|---|---|
| Rakyat hidup di dalam kemiskinan dan serba kekurangan | 1 | 1 | | |
| Diskriminasi terhadap gadis dan wanita | 2 | 2 | | |
| Penjagaan kebersihan awam yang lemah dan penyakit berjangkit | 3 | 3 | | |
| Kekurangan pendidikan | 4 | 4 | | |
| Pencemaran alam sekitar | 5 | 5 | | |

V178. Fikirkan tentang masalah negara anda, adakah para pemimpin negara patut memberi keutamaan untuk mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia atau adakah mereka patut memberi keutamaan kepada menyelesaikan masalah di negara anda sendiri? Gunakan skala ini di mana 1 bermaksud "keutamaan diberikan untuk mengurangkan kemiskinan di dunia" dan 10 bermaksud "keutamaan untuk menyelesaikan masalah anda sendiri." (Kodkan satu jawapan):

Keutamaan untuk mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia — Keutamaan adalah untuk menyelesaikan masalah negara

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Sesetengah orang yakin bahawa sesetengah masalah boleh dikendalikan dengan lebih baik oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau pertubuhan serantau berbanding kerajaan sesebuah negara secara berasingan. Sesetengah yang lain pula berfikir bahawa masalah ini patut diuruskan sepenuhnya oleh kerajaan negara tersebut. Beritahu saya sama ada anda fikir polisi berkenaan perkara berikut patut ditentukan oleh kerajaan negara, pertubuhan serantau, ataupun oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

| | | Kerajaan negara | Pertubuhan serantau | Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu |
|---|---|---|---|---|
| V179. | Pengamanan | 1 | 2 | 3 |
| V180. | Perlindungan alam sekitar | 1 | 2 | 3 |
| V181. | Bantuan kepada negara-negara membangun | 1 | 2 | 3 |
| V182. | Pelarian | 1 | 2 | 3 |
| V183. | Hak asasi manusia | 1 | 2 | 3 |

V184. Sekarang kita beralih ke topik seterusnya. Berapa kerapkah anda befikir tentang maksud dan tujuan kehidupan?

1 Kerap kali
2 Kadangkala
3 Jarang
4 Tidak pernah

V185. Adakah anda tergolong dalam sesuatu agama atau mazhab keagamaan? Jika ya, yang mana satu? (Kodkan jawapan untuk senarai di bawah. Kodkan 0, jika jawapan responden adalah tidak mempunyai mazhab!)

| | |
|---|---|
| Tidak: tidak tergolong dalam mana-mana mazhab | 0 |
| Ya: Roman Katolik | 1 |

| | |
|---|---|
| Protestan | 2 |
| Ortodoks (Russia/ Greek/ dan lain-lain) | 3 |
| Yahudi | 4 |
| Islam | 5 |
| Hindu | 6 |
| Buddha | 7 |
| Lain-lain (tuliskan): ______________ | 8 |

(Kad Pamer X)
V186. Berapa kerapkah anda bersembahyang?

1 Lebih daripada sekali seminggu
2 Sekali seminggu
3 Sekali sebulan
4 Hanya pada hari-hari suci
5 Sekali setahun
6 Kurang kerap
7 Tidak pernah
8 Lebih daripada sekali sehari
9. Lima kali pada kebanyakan hari
10. Lebih daripada sekali sehari, tetapi kurang daripada lima kali sehari secara purata
11. Sekali sehari

V187. Dengan tidak mengambil kira sama ada anda hadir ke majlis-majlis keagamaan atau tidak, adakah anda akan katakan bahawa anda

1 Seorang yang beragama
2 Bukan seorang yang beragama
3 Seorang ateis

Secara umumnya, adakan anda fikir pihak berkuasa agama di negara anda memberi jawapan yang memadai untuk

| | Ya | Tidak |
|---|---|---|
| V188. Permasalahan akhlak dan keperluan individu | 1 | 2 |
| V189. Permasalahan kehidupan keluarga | 1 | 2 |
| V190. Keperluan rohaniah seseorang | 1 | 2 |
| V191. Permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat | 1 | 2 |

(Kad Pamer Y)
V192. Sejauh manakah pentingnya Tuhan di dalam kehidupan anda? Sila gunakan skala ini untuk menyatakannya. 10 bermaksud “sangat penting” dan 1 bermaksud “langsung tidak penting.”

Langsung tidak penting Sangat penting
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

V193. Adakan anda memperuntukkan sedikit masa untuk doa, meditasi atau renungan ataupun sesuatu yang seumpamanya?

1 Ya
2 Tidak

(Kad Pamer Z)
Setakat manakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap kenyataan berikut? (Bacakan dan kodkan satu jawapan untuk setiap kenyataan):

| | | Sangat setuju | Setuju | Neutral | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|---|---|
| V194. | Ahli politik yang tidak percayakan Tuhan tidak sesuai untuk memgang jawatan kerajaan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V195. | Pemimpin agama tidak seharusnya mempengaruhi bagaimana rakyat mengundi semasa pilihan raya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V196. | Adalah lebih baik untuk rakyat Malaysia sekiranya lebih ramai mereka yang mempunyai pegangan agama yang kukuh memegang jawatan kerajaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| V197. | Pemimpin agama tidak seharusnya mempengaruhi keputusan kerajaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

(Kad Pamer AA)
Sila beritahu saya untuk setiap perlakuan berikut sama ada ia sentiasa boleh dipertahankan, takkan boleh dipertahankan, atau sesuatu di antara kedua-duanya, dengan menggunakan kad ini.

| | | Takkan boleh dipertahankan | | | | | | | | | Sentiasa boleh dipertahankan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| V198. | Membuat tuntutan manfaat kerajaan yang anda tidak berhak | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V199. | Mengelak membayar tambang dalam pengangkutan awam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V200. | Menipu tentang cukai jika anda berpeluang melakukannya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V201. | Seseorang yang menerima rasuah semasa menjalankan tugas mereka | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V202. | Homseksual | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V203. | Perlacuran | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V204. | Pengguran anak | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V205. | Perceraian | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V206. | Euthanasia—menamatkan riwayat hidup seseorang yang tidak boleh disembuhkan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V207. | Bunuh diri | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| V208. | Suami memukul isterinya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V209. Sejauh manakah anda berbangga menjadi rakyat Malaysia?

1 Sangat bangga
2 Agak bangga
3 Kurang bangga

4 Langsung tidak bangga
5 Saya bukan rakyat Malaysia

(Kad Pamer AB)
Setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza tentang diri mereka dan bagaimana mereka berhubung dengan dunia. Dengan menggunakan kad ini, bolehkah anda beritahu saya setakat manakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap kenyatan berikut tentang bagaimana anda melihat diri anda?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| V210. Say melihat diri saya sebagai warga dunia. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V211. Saya melihat diri saya sebagai sebahagian daripada masyarakat setempat. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V212. Saya melihat diri saya sebagai sebahagian daripada negara Malaysia. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V213. Saya melihat diri saya sebagai sebahagian daripada APEC dan ASEAN. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| V214. Saya melihat diri saya sebagai seorang yang bebas. | 1 | 2 | 3 | 4 |

Adakah ibu atau bapa anda adalah pendatang kepada negara ini atau tidak? Sila nyatakan secara berasingan untuk setiap mereka

| | Pendatang | Bukan pendatang |
|---|---|---|
| V215. Ibu | 1 | 2 |
| V216. Bapa | 1 | 2 |

Pada pendapat anda, sejauh manakah pentingnya untuk perkara berikut menjadi keperluan bagi seseorang yang inginkan kewarganegaraan negara anda? Tentukan untuk setiap keperluan jika anda merasakan ia sebagai sangat penting, agak penting atau tidak penting

| | Sangat penting | Agak penting | Tidak penting |
|---|---|---|---|
| V217. Mempunyai nenek moyang dari negara saya | 1 | 2 | 3 |
| V218. Telah dilahirkan di negara saya | 1 | 2 | 3 |
| V219. Mengamalkan adat resam negara saya | 1 | 2 | 3 |
| V220. Mematuhi undang-undang negara saya | 1 | 2 | 3 |

(Kad Pamer AC)
V221. Beralih kepada persoalan kepelbagaian etnik, anda bersetuju dengan pandangan yang mana? Sila gunakan skala ini untuk menyatakan kedudukan anda

| Kepelbagaian etnik menghakis perpaduan sesebuah negara | | | | | | | | | Kepelbagaian etnik memperkayakan kehidupan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V222. Apakah bahasa yang biasa anda tuturkan di rumah?

1 Bahasa Inggeris
2 Bahasa Melayu
3 Mandarin/ lain-lain dialek Bahasa Cina
4 Tamil/ lain-lain dialek India
5 Dalek kaum peribumi (contohnya: Kadazan Dusun, Bajau)

Lain-lain, sila nyatakan: ___________________________________________________________

Manusia menggunakan pelbagai sumber untuk mempelajari tentang apa yang sedang berlaku di dalam negara mereka dan di sleuruh dunia. Untuk setiap sumber berikut, sila nyatakan sama ada telah

menggunakannya pada minggu lepas atau tidak menggunakannya pada minggu lepas untuk mendapatkan maklumat

| | Telah guna minggu lepas | Tidak guna minggu lepas |
|---|---|---|
| V223. Akhbar harian | 1 | 2 |
| V224. Siaran berita di radio atau TV | 1 | 2 |
| V225. Majalah cetak | 1 | 2 |
| V226. Laporan mendalam di radio atau TV | 1 | 2 |
| V227. Buku | 1 | 2 |
| V228. Internet, Emel | 1 | 2 |
| V229. Perbualan dengan rakan dan teman sekerja | 1 | 2 |

V230. Sekerap manakah, jika ada, anda menggunakan komputer peribadi?

1 Tidak pernah
2 Kadangkala
3 Sangat kerap
4 Tidak tahu apa itu komputer (jangan bacakan, kodkan hanya jika diberikan secara sukarela)

Potong V231 hingga V233

V234. Adakah anda telah mengundi di dalam pilihanraya parlimen yang baru lepas?

1 Ya
2 Tidak

DEMOGRAFI

V235. (Kodkan jantina responden berdasarkan pemerhatian)

1 Lelaki
2 Wanita

V236. Bolehkah anda tolong beritahu saya tahun kelahiran anda? 19____ (tuliskan dua angka terakhir)

V237. Ini bermaksud anda berumur ____ tahun (tuliskan umur dalam dua angka).

V238. Apakah tahap pendidikan paling tinggi yang telah anda capai? [NOTA: jika responden adalah seorang pelajar, kodkan tahap tertinggi yang bakal disempurnakannya]:

1 Tiada pendidikan formal
2 Tidak tamat sekolah rendah
3 Tamat sekolah rendah
4 Tidak tamat sekolah menengah: jenis teknik/vokasional
5 Tamat sekolah menengah: jenis teknik/vokasional
6 Tidak tamat peringkat menengah: jenis persediaan ke universiti
7 Tamat peringkat menengah: jenis persediaan ke universiti
8 Sedikit pendidikan peringkat universiti, tanpa ijazah
9 Pendidikan peringkat universiti, dengan ijazah

V239. Pada umur berapakah anda telah (atau akan) menyempurnakan pendidikan sepenuh masa anda, sama ada di sekolah atau intitusi pengajian tinggi? Sila kecualikan perantisan [NOTA: jika responden adalah seorang pelajar, kodkan tahap tertinggi yang bakal disempurnakannya]:

________ (tuliskan dalam dua angka)

V240. Adakah anda tinggal dengan ibu bapa??

1 Ya
2 Tidak

V241. Adakah anda mempunyai pekerjaan atau tidak sekarang? Jika ya, untuk lebih kurang berapa jam seminggu? Jika lebih dari satu pekerjaan: hanya untuk pekerjaan utama

| | |
|---|---|
| **Ya, mempunyai pekerjaan berbayar:** | |
| Pekerja sepenuh masa (30 seminggu atau lebih) | 1 |
| Pekerja separuh masa (kurang daripada 30 jam seminggu) | 2 |
| Bekerja sendiri | 3 |
| **Tidak, tidak ada pekerjaan berbayar:** | |
| Telah bersara/pencen | 4 |
| Surirumah | 5 |
| Pelajar | 6 |
| Pengangggur | 7 |
| Lain-lain (tuliskan):________________________ | 8 |

(Jika jawapan adalah "ya," teruskan dengan soalan berikutnya!
Jika jawapan adalah "tidak," tanyakan sama ada responden pernah bekerja pada masa lepas dan teruskan dengan soalan berikutnya jika dia PERNAH!
Jika jawapan adalah "tidak" dan responden TIDAK pernah bekerja pada masa lepas, teruskan ke V249!)

V242. Dalam profesion/pekerjaan manakah anda melakukan kebanyakan kerja anda? Jika anda tidak berkeja sekarang, gambarkan kerja utama anda pada masa lepas! Apakah pekerjaan anda di sana?

______________________ (tuliskan dan kodkan berpandukan senarai di bawah tetapi jangan bacakan senarai tersebut!)

1 Majikan/pengurus pertubuhan dengan 10 atau lebih pekerja
2 Majikan/pengurus pertubuhan dengan kurang daripada 10 pekerja
3 Pekerja profesional: peguam, akauntan, cikgu, dan sebagainya
4 Penyeliaan – pekerja pejabat: menyelia pekerja lain.
5 Bukan fizikal – pekerja pejabat: bukan penyeliaan
6 Mandur dan penyelia
7 Pekerja kasar berkemahiran
8 Pekerja kasar separa berkemahiran
9 Pekerja kasar tidak berkemahiran
10 Peladang: mempunyai ladang sendiri
11 Pekerja berkenaan pertanian
12 Anggota pasukan tentera, kakitangan keselamatan
13 Tidak pernah mempunyai pekerjaan

V243. Adakah anda sedang bekerja untuk kerajaan atau perbadanan awam, untuk perniagaan atau industri swasta, atau untuk pertubuhan persendirian bukan berasakan keuntungan? Jika anda tidak bekerja sekarang, gambarkan pekerjaan utama anda pada masa lepas! Adakah anda sedang atau telah bekerja untuk

1 Kerajaan atau perbadanan awam
2 Perniagaan atau industri swasta
3 Pertubuhan persendirian bukan berasaskan keuntungan

V244. Adakah tugas-tugas yang anda lakukan di tempat kerja kebanyakannya menggunakan fizikal atau kognitif? Jika anda tidak bekerja sekarang, gambarkan pekerjaan utama anda pada masa lepas! Gunakan skala ini di mana 1 bermaksud “kebanyakannya tugas fizikal” dan 10 “kebanyakannya tugas kognitif”

| Kebanyakannya tugas fizikal | | | | | | | Kebanyakannya tugas kognitif | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | | 9 | 10 |

V245. Adakah tugas-tugas yang anda lakukan di tempat kerja kebanyakannya tugas-tugas rutin atau tugas-tugas kreatif? Jika anda tidak bekerja sekarang, gambarkan pekerjaan utama anda pada masa lepas! Gunakan skala ini di mana 1 bermaksud “kebanyakannya tugas rutin” dan 10 “kebanyakannya tugas kreatif”

| Kebanyakanya tugas rutin | | | | | | | Kebanyakannya tugas kreatif | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V246. Sebanyak manakah kebebasan yang anda miliki dalam melakukan tugas-tugas di tempat kerja? Jika anda tidak bekerja sekarang, gambarkan pekerjaan utama anda pada masa lepas! Gunakan skala ini untuk menunjukkan tahap kebesan anda di mana 1 bermaksud “tidak ada kebebasan langsung” dan 10 bermaksud “kebebasan sepenuhnya”

| Tidak ada kebebasan langsung | | | | | | | | Kebebasan sepenuhnya | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | | 8 | 9 | 10 |

V247. Adakah anda atau pernahkah anda menyelia orang lain di tempat kerja?

1 Ya
2 Tidak

V248. Adakah anda pencari nafkah utama dalam rumahtangga anda?

1 Ya (dalam kes ini langkau dua soalan berikutnya dan teruskan dengan V250!)
2 Tidak (dalam kes ini teruskan dengan soalan berikutnya!)

V249. Adakah pencari nafkah utama rumahtangga anda mempunyai pekerjaan sekarang atau tidak?

1 Ya
2 Tidak

V250. Dalam profesion/pekerjaan mana dia sedang bekerja (atau telah bekerja)? Jika lebeih dari satu pekerjaan, pekerjaan utama? Apakah pekerjaannya di sana?

______________________ (tuliskan dan kodkan berdasarkan senarai di bawah tetapi bacakan senarai tersebut!)

1 Majikan/pengurus pertubuhan dengan 10 atau lebih pekerja
2 Majikan/pengurus pertubuhan dengan kurang daripada 10 pekerja
3 Pekerja profesional: peguam, akauntan, cikgu, dan sebagainya
4 Penyeliaan – pekerja pejabat: menyelia pekerja lain.
5 Bukan fizikal – pekerja pejabat: bukan penyeliaan
6 Mandur dan penyelia
7 Pekerja kasar berkemahiran
8 Pekerja kasar separa berkemahiran
9 Pekerja kasar tidak berkemahiran

10 Peladang: mempunyai ladang sendiri
11 Pekerja berkenaan pertanian
12 Anggota pasukan tentera, kakitangan keselamatan
13 Tidak pernah mempunyai pekerjaan

V251. Sepanjang tahun lepas, adakah keluarga anda telah (bacakan dan kodkan satu jawapan):

1 Menyimpan wang
2 Hidup ala kadar
3 Membelanjakan sedikit wang simpanan
4 Membelanjakan wang simpanan dan wang yang dipinjam

V252. Manusia kadangkala menggambarkan diri mereka sebagai tergolong dalam golongan bekerja, golongan pertengahan, atau golongan atasan atau bawahan. Adakah anda akan menggambarkan diri anda sebagai tergolong dalam golongan

1 Golongan atasan
2 Golongan pertengahan atas
3 Golongan pertengahan bawah
4 Golongan bekerja
5 Golongan bawahan

(Kad Pamer AE)
V253. Di atas kad ini adalah skala pendapatan di mana 1 menunjukkan "tahap pendapatan terendah" dan 10 adalah "tahap pendatan tertinggi." Kami ingin tahu dalam kumpulan manakah rumahtangga terletak. Sila tentukan nombor yang bersesuaian, mengambil kira semua upah, gaji, pencen dan pendapatan lain. (Kodkan satu nombor):

| Tahap terendah | | | | | | | | Tahap tertinggi | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |

V254. (Kodkan setakat mana responden berminat semasa temu ramah):

1 Responden sangat berminat
2 Responden agak berminat
3 Responden tidak berminat

V255. (Kodkan saiz bandar):
1 Bawah 2,000 2 2,000 - 5,000 3 5,000 - 10,000 4 10 - 20,000 5 20 - 50,000 6 50 - 100,000 7 100 - 500,000 8 500,000 dan lebih

V256. (Kodkan suku kaum melalui pemerhatian): 1. Melayu 2. Cina 3. India Lain-lain nyatakan ______________________________

V257. (Kodkan negeri di mana temu ramah telah dijalankan): 1. Selangor 2. Perak 3. Pulau Pinang 4. Sabah 5. Sarawak 6. Kedah 7. Perlis 8. Pahang 9. Kelantan 10. Tregganu 11. Johor 12. Melaka 13. Negeri Sembilan

V258. (Kodkan bahasa yang digunakan untuk temu ramah):

1 Bahasa Inggeris
2 Bahasa Melayu

3 Bahasa Cina
4. Tamil

V259. Pembolehubah beban (Sediakan satu pembolehubah beban 4 angka untuk membetulkan sampel anda bagi melambangkan taburan nasional pembolehubah utama. Jika bebanan tidak diperlukan, hanya kodkan setiap kes sebagai “1.” Adalah amat penting untuk membetulkan bagi pendidikan. Sebagai contoh, jika sampel anda mengandungi 10 peratus lebih responden berpendidikan peringkat universiti berbanding populasi induk, ahli kumpulan ini harus diturunkan beban sebanyak 10 peratus, memberikan mereka beban 0.90).